

BAB 2

KEPUSTAKAAN

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji membuat tinjauan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji mendapati kajian dan penulisan tentang penguasaan bahasa dalam bidang pendidikan pemulihan masih tidak meluas, kebanyakan kajian pemerolehan bahasa. Walaupun begitu, sudah terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh beberapa orang sarjana tempatan yang melihat penguasaan bahasa kanak-kanak tetapi lebih kepada penguasaan bahasa kanak-kanak normal.

Bab ini terbahagi kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan pandangan teori-teori yang berkaitan dengan bahasa dan idea, penguasaan bahasa dan perkembangan bahasa kanak-kanak. Bahagian kedua menerangkan konsep masalah pembelajaran. Pemahaman mengenai konsep ini akan memudahkan kita memahami apa itu lembam. Bahagian ketiga pula akan menerangkan teori analisis kesilapan Pit Corder dan Taksonomi Dulay, Burt &

Krashen dan bahagian yang keempat akan menerangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian akan dibuat.

2.1 Pandangan teori-teori bahasa

Manusia menggunakan bahasa kerana mereka ingin berkomunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, ramai ahli bahasa mendefinisikan bahasa mengikut konteksnya. Dalam konteks ini bahasa merupakan satu alat untuk berkomunikasi, alat perhubungan, alat untuk menyatakan hasrat, alat menyampaikan maklumat dan sebagainya.

Boliger telah mendefinisikan bahasa sebagai:

“ Human language is a system of vocal auditory communication using conventional signs composed of arbitrary patterned sound unit and assembled according to set rules, interacting with the experience of its users”

(Aspects of language, hlm

12)

Manakala Edward Sapir, seorang tokoh bahasa dari Amerika mengatakan:

“ ...a system of phonetic symbols for the expressions of communicable thought and feeling..the symbol of language are differentiated product of vocal behavior which is associated with the larynx of the higher mammals”

(Culture, Language and Personality, hlm

2)

Kedua-dua definisi di dengar jelas menekankan fungsi bahasa. Maka dapat disimpulkan bahawa bahasa itu sebagai lambang-lambang pertuturan yang bersifat arbitari yang digunakan oleh setiap manusia untuk berhubung antara satu sama lain bagi menyatakan hasrat, perasaan dan fikirannya. Walau bagaimanapun Huegeford telah merumuskan bahawa:

- i Bahasa itu digunakan untuk berkomunikasi.
- ii Bahasa itu untuk mencapai proses sosialisasi
- iii Bahasa itu untuk mewujudkan rangkaian pertalian di antara kumpulan dan individu.
- iv Bahasa itu untuk pertumbuhan individu.

(Language and Personality, Lewis R. Goldberg,

1970)

Di sini dapat ditekankan bahawa tiada kumpulan manusia di dunia ini yang tidak mempunyai bahasa dan tidak ada bahasa yang dianggap sebagai bahasa agung. Secara keseluruhan dapat disimpulkan berdasarkan pandangan-pandangan ahli bahasa di atas bahawa bahasa merupakan satu sistem lambang yang terdiri daripada deretan bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat artikulasi manusia, telah dipersetujui dan difahami oleh satu-satu kumpulan penutur sebagai alat untuk berkomunikasi. Keperluan berkomunikasi pula ialah keperluan hidup yang asas dan memerlukan penggunaan bahasa yang baik. Kebolehan berkomunikasi dan mempelajari sesuatu bahasa adalah satu cara unik yang hidup dalam kelompok masyarakat. Oleh itu, perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak secara tidak langsung akan mempengaruhi perkembangan

intelektual dan seterusnya menentukan prestasinya di dalam pendidikan (Mat Daud Yusof, 1990)

2.1.1 Sumber Idea

Menurut Abdullah Yussof (1996), idea ialah rentetan pengetahuan yang diambil oleh seseorang sama ada melalui pengalamannya sendiri, pemerhatian terhadap alam semesta, maklumat daripada orang lain, penyelidikan atau secara intuisi. Pengalaman yang telah dilalui oleh seseorang individu merupakan sumber penulisannya. Pengalaman-pengalaman itu kebanyakan diperolehi melalui kederiaan sama ada secara tunggal atau gabungan daripada beberapa deria. Pemerhatian terhadap alam semesta yang sentiasa berubah bergerak dan sebagainya merupakan sumber yang paling berkesan untuk dijadikan bahan penulisan. Manakala maklumat yang diperolehi daripada input lain seperti individu lain, pembacaan, pendengaran, dan tontonan tidak kurang menariknya untuk diolah menjadi sumber penulisan. Hal ini selari dengan pepatah Melayu yang mengatakan “jauh perjalanan luas pengetahuan”. Semua maklumat tersebut bergantung kepada kreatifan penulis untuk mengolah, mengubah, menyusun, dan menurunkannya sebagai bahan penulisan yang menarik dan mampu merangsang minat khalayak pembaca (Abdullah Yusoff, 1996).

Idea yang disampaikan oleh penulis membawa pengertian atau amanat tertentu berdasarkan tujuan penulisan. Dalam hal ini Guth (1990) menyenaraikan bahawa antara tujuan penulisan adalah untuk :

- 8 memberi arahan
- 9 memberi nasihat
- 10 memberi penjelasan
- 11 membetulkan tanggapan yang salah
- 12 mengongsi kegembiraan
- 13 melaporkan sesuatu peristiwa
- 14 mengongsi maklumat
- 15 mengemukakan teori dan penemuan
- 16 mendedahkan sesuatu
- 17 memberi amaran
- 18 memberi sokongan
- 19 membetulkan kesilapan
- 20 memperkenalkan sesuatu

Menurut Abdullah Yusoff (1996) dalam kajiannya, idea-idea yang dimiliki oleh penulis dipaparkan dengan pelbagai cara dan bentuk bergantung kepada tujuan penulisan. Antaranya dalam bentuk penjelasan atau pendedahan tentang sesuatu, hujahan, pembujukan, dan penceritaan atau pengisahan (Ilias Haji Zaidi, 1992). Tujuan penulisan dan bentuk pemaparan idea yang dipilih akan mempengaruhi jenis karangan yang dihasilkan (Abdullah Yusoff, 1996)

2.1.2 Penguasaan bahasa

Pada masa ini telah banyak kajian pemerolehan dan penggunaan bahasa dilakukan dan membuktikan bagaimana seorang kanak-kanak memperoleh dan menggunakan bahasa. Kajian-kajian ini telah mengubah pandangan dan tanggapan kita bagaimana seseorang kanak-kanak memperoleh bahasa dan bagaimana cara terbaik bagi kita membantu pertumbuhan dan perkembangan mereka. Walau bagaimanapun masalah ini amat membimbangkan dan mencabar peranan guru yang terlibat secara langsung dengan pelajar lembam

dan ibu bapa yang mempunyai anak lembam kerana pelajar lembam mengalami masalah dalam penggunaan bahasa. Cara pemerolehan bahasa mereka berbeza dengan kanak-kanak normal.

Kepentingan terhadap penguasaan bahasa sangat jelas dalam bidang pendidikan kerana bahasa merupakan alat utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahasa merupakan satu alat perhubungan yang sangat penting dalam kehidupan setiap manusia. Melalui bahasa seseorang itu boleh berkomunikasi atau berinteraksi dengan orang lain untuk menyampaikan maklumat, kehendak, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang, menyampaikan perasaan dan sebagainya. Komunikasi itu boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu lisan atau tulisan. Semakin baik penguasaan seseorang terhadap kemahiran-kemahiran bahasa maka semakin tinggi keupayaan dan kecekapannya untuk berkomunikasi.

Kita sering tertanya-tanya bagaimanakah cara bahasa itu diperolehi khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Jika menurut *B.F. Skinner* (1986) telah mengatakan bahawa bahasa dapat dikuasai melalui pembelajaran formal dan juga tidak formal. Aliran behaviorisme ini mengutamakan rangsangan dan gerak balas serta menganggap mempelajari bahasa itu merupakan satu proses pengulangan yang diakhiri dengan pemerolehan ganjaran (Mat Daud bin Yusof, 1990).

Proses belajar Thorndike menyatakan terdapat dua hukum iaitu '*The Law of*

Exercise' dan '*The Law Effect*'. *The Law of Exercise* ialah pembentukan tabiat atau 'habit formation' manakala *The Law Effect* pula ialah langkah-langkah pemulihan yang perlu diberi kepada tabiat atau hukum yang sebelumnya.

Keseluruhannya pendapat-pendapat Thorndike mengikut aliran Behaviorisme boleh dirumuskan sebagai:

- i. Apabila sesuatu organisme telah bersedia untuk bertindak, maka menyelesaikan sesuatu perbuatan itu akan menimbulkan rasa puas hati.
- ii. Apabila sesuatu urutan rangsangan gerak balas diikuti oleh sesuatu keadaan yang memuaskan hati, maka hubungan S-R atau 'stimulus-response' itu akan diperkukuhkan sementara pengganggu-pengganggu akan menghentikan pengulangan itu.
- iii. Hubungan-hubungan S-R dapat diperkukuhkan melalui latihan-latihan susulan.

(Thorndike,

1963)

Pendapat-pendapat di atas cuba meninjau sejauhmanakah tanggapan aliran behaviorisme terhadap proses pemerolehan bahasa dalam kanak-kanak. Seperti yang kita ketahui bahawa di dalam diri seseorang itu telah dilengkapi dengan organ yang tertentu untuk bertindak balas terhadap rangsangan di luar. Hal ini bertentangan dengan pendapat para pendukung aliran kognitif atau mentalis (Mat Daud Bin Yusof, 1990).

Pendekatan aliran kognitif berdasarkan kepada "*The innateness hypothesis*" yang menyatakan bahawa otak manusia telah dijadikan secara semula jadi atau

genetik untuk berbahasa. Bagi Chomsky, iaitu tokoh penting dalam aliran ini mempercayai bahawa di dalam otak manusia terdapat unsur-unsur yang dikatakan sebagai struktur bahasa sejagat yang disimpan di dalam LAD (Language Acquisition Device). Di dalam LAD ini terdapat pula skema nurani. Oleh itu, melalui struktur inilah proses pemerolehan atau penguasaan bahasa itu diperkembangkan dan diperkukuhkan lagi (Chomsky, 1968).

Sehubungan dengan pendekatan di atas, Teori Firth telah menegaskan bahawa struktur sesuatu bahasa itu mempunyai lima tingkatan. Tingkatan-tingkatan ini dikenali sebagai tingkatan fonetik, tingkatan leksikon, tingkatan morfologi, tingkatan sintaksis dan tingkatan semantik. Menurutnyanya seseorang kanak-kanak itu akan belajar bercakap bermula daripada tingkatan yang paling bawah iaitu bermula daripada satu kata dan mungkin berkembang kepada dua suku kata atau lebih sehingga dapat membina perkataan. Maka dengan itu, dari sinilah bahasa itu akan diperkembangkan kepada bentuk yang lebih kompleks (Mat Daud bin Yusof, 1990).

Jika dilihat pada pandangan secara umum, pemerolehan bahasa seiring dengan pembelajaran bahasa. Kedua-dua keadaan ini berlaku hampir serentak. Walau bagaimanapun ahli-ahli pendidik bahasa bersetuju bahawa terdapat sedikit perbezaan antara pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Pemerolehan bahasa lebih menumpukan kepada penguasaan bahasa ibunda iaitu bahasa pertama manakala pembelajaran bahasa berkaitan dengan penguasaan bahasa asing atau bahasa kedua. Namun begitu, ada juga kanak-kanak yang dapat menguasai kedua-dua bahasa ini secara serentak dan ini tidak dapat dinafikan.

Kesimpulannya bahasa itu bukanlah diwarisi tetapi diperoleh dan dipelajari. Penguasaan bahasa pertama merupakan tapak atau asas konkrit ke arah penguasaan bahasa kedua (Mat Daud bin Yusof, 1990).

Walaupun kajian terhadap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar ini meliputi aspek yang sangat luas, namun sebenarnya kajian ini mempunyai masalahnya tersendiri kerana ia merupakan sesuatu yang misteri dan rumit untuk membuat kesimpulan yang lebih jitu. Ini kerana ia merupakan proses perkembangan kognitif yang berlaku di dalam minda seseorang yang agak sukar untuk dibuat ukuran secara tepat apatah lagi bagi pelajar yang bermasalah pembelajaran. Sehingga kini kajian terhadap penguasaan bahasa dan pemaparan idea dalam kalangan kanak-kanak lembam masih kurang dilakukan. Dengan menyokong atau menolak sesuatu teori bahasa, secara tidak langsung kita dapat mengetahui dengan lebih pasti mengapa manusia mempunyai bahasa, di mana dan bagaimana bahasa itu muncul dan diperoleh dan juga dipelajari dan apa hubungan bahasa itu dengan pemikiran manusia? (Simanjuntak, 1990:694).

Hasil tinjauan terhadap kajian-kajian lepas mendapati kajian-kajian khusus berkaitan dengan penguasaan bahasa dilakukan dengan tujuan untuk menyokong atau menolak sesuatu teori bahasa, untuk membincangkan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi pemerolehan bahasa dan penguasaan bahasa oleh kanak-kanak dan terdapat juga kajian untuk menentukan satu kaedah kajian bahasa kanak-kanak yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik akan datang (Simanjuntak, 1982:616).

Namun begitu, pendapat dan teori di atas menfokuskan kepada penguasaan bahasa kanak-kanak normal sahaja. Mungkin terdapat perbezaan dengan kanak-kanak lembam kerana mereka mengalami keterlambatan memperoleh bahasa. Tahap pemerolehan bahasa dan penggunaan bahasa yang diperolehi mungkin berbeza mengikut tahap dan kategori pelajar lembam.

2.1.3 Perkembangan Bahasa

Tokoh-tokoh psikologi berpendapat bahawa bahasa merupakan satu sistem yang unik melibatkan proses kognitif. Dalam erti kata lain, bahasa dan pemikiran berkait rapat. Hal ini kerana melalui bahasa, seseorang itu dapat menyampaikan segala yang difikirkannya (Mat Daud bin Yusof, 1990).

Perkembangan bahasa seseorang bayi itu bermula dengan tangisan atau senyuman sebagai menyatakan perasaan dan keperluannya. Ini dikatakan bahasa nurani iaitu dia akan tersengih atau pun tersenyum jikalau dia senang, manakala dia akan merengek atau menangis jikalau dia lapar atau berada dalam keadaan tidak selesa atau sakit. Apabila kanak-kanak itu menjangkau umur kira-kira satu tahun barulah dia mengisi bahasa-bahasanya dengan baik secara lisan mengikut peringkat-peringkat seperti dalam Jadual 2.1 (A.E.Blackhurst, 1981 dalam Mat Daud bin Yusof, 1990). Proses pemerolehan bahasa akan berkembang secara semula jadi mengikut urutan Jadual 2.1 seperti di bawah yang sama erat hubungannya dengan proses kematangan kanak-

kanak itu.

Jadual 2.1: Proses Permerolehan Bahasa

Umur	Perbendaharaan Kata
8 bulan – 1 ½ tahun	Sepatah perkataan
1 ½ tahun – 2 ½ tahun	Dua patah perkataan
2 ½ tahun – 4 tahun	Ayat pendek
Lebih daripada 4 ½ tahun	Ayat sempurna
1 tahun	2 atau 3 patah perkataan
1 ½ tahun	20-50 patah perkataan
2 tahun	Lebih kurang 300 perkataan
2 ½ tahun	lebih kurang 500 perkataan
3 tahun	Lebih kurang 1,000 perkataan
4 tahun	Lebih kurang 1,5000 perkataan
5 tahun	Lebih kurang 2,000 perkataan
6 tahun	Lebih kurang 2,500 perkataan
7 tahun	Lebih kurang 4,000 perkataan

Manakala Lawton pula menegaskan mengikut pendapat Piaget ialah

“A baby clearly comes into the world with an unfinished mind, and as he grows mature, he slowly evolves into a mature adult capable of performing fantastic computer-like operations...”

(Lawton, 1973 hlm 14)

Piaget telah membahagikan tingkat perkembangan mental kanak-kanak kepada empat tahap dan ciri-ciri tahap ini adalah berbeza-beza (dalam Mat Daud bin Yusof, 1990). Tahap-tahap itu ialah:

Tahap A - Sensorimotor (dari saat kelahiran hingga 2 tahun)

- i. Sebahagian besar pergerakannya dirangsangkan
- ii. Tidak boleh atau tidak ada bahasa
- iii. Hanya menggunakan sedikit fikiran apabila melakukan sesuatu
- iv. Belajar mengenal objek
- v. Pada akhir tempoh dua tahun mula mengenal ibu bapa, dan mengenal nama-nama binatang
- vi. Masa iaitu hanya mengingati pada masa kini (present tense) atau masa kejadian
- vii. Hanya mengenali tempat kebiasaan dia berada sahaja iaitu di sekitar di dalam rumah

Tahap B – 'Preoperational' (2-7 tahun)

- i. Bahasa mula berkembang
- ii. Tidak boleh berfikir secara abstrak
- iii. 'Egocentric'
- iv. Tidak berfikiran 'inverse'
- v. Bertindak atas rangsangan sendiri
- vi. Pemikiran statik
- vii. Masa hanya dapat berfikir tentang masa kini, masa lalu, masa depan, akan tetapi jangka masa pendek
- viii. Hanya mengenali kawasan sekitar perkarangan rumah dan kawasan jiran

Tahap C – 'Concrete operational' (7 – 11 tahun)

- i. Membuat operasi, mendarab, membuang, menggabung, mengarah, menceraikan, menambah dan sebagainya. Pada peringkat ini mula berupaya berfikir

Tahap D - 'Formal Operational' (11 – 15 tahun)

- i. Melahirkan pemikiran 'hypothetical and propositional'
- ii. Boleh menilai sendiri proses pemikiran dan bersifat refleksif
- iii. Berangan-angan
- iv. Membuat sesuatu yang abstrak dan berupaya berfikir secara berkonsep (conceptual thinking)

Perkembangan pada peringkat umur mengikut Piaget seperti di atas telah memperlihatkan perkembangan emosi dan pemikiran seseorang kanak-kanak daripada mula lahir sehinggalah mencapai tahap remaja. Tetapi perkembangan ini semua terjadi sekiranya kanak-kanak itu terdedah kepada persekitaran yang sihat. Pada peringkat itu juga kanak-kanak sangat mudah dipengaruhi oleh sebarang didikan yang diberikan kepadanya (Mat Daud bin Yusof, 1990).

Kemahiran bahasa melalui perkembangan bahasa dalam kalangan kanak-kanak dapat dilihat melalui kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keempat-empat kemahiran ini saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam sudut pengajaran dan pembelajaran bahasa, turutannya perlu diikuti bagi menjamin kejayaan iaitu bermula dengan kemahiran mendengar diikuti bertutur, membaca dan yang terakhir menulis. Kemahiran mendengar dan bertutur akan mempengaruhi kemahiran membaca seterusnya akan mempengaruhi kemahiran menulis. Dalam perkataan lain ialah “Input” mempengaruhi “Output”.

2.1.4 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Bahasa

Kebanyakan tokoh-tokoh bersetuju dengan mengatakan bahawa kanak-kanak normal akan dapat menguasai sesuatu bahasa jika dia terdedah kepada bahasa

tersebut. Kenyataan ini juga disokong oleh Chomsky, seorang tokoh bahasa Amerika. Menurutnya tidak semestinya seseorang kanak-kanak Melayu yang telah dilahirkan dalam keluarga Melayu dapat menguasai bahasa Melayu secara semula jadi. Sekiranya kanak-kanak Melayu itu tadi dibesarkan di dalam keluarga Cina semestinya dia boleh bercakap dalam bahasa Cina, begitu juga sebaliknya. Hal ini terjadi kerana kanak-kanak akan mendengar dan akan mengikut apa yang didengarinya. Inilah cara kanak-kanak normal menguasai bahasa (Mat Daud bin Yusof, 1990).

Walau bagaimanapun, tidak semua kanak-kanak boleh menguasai atau memperoleh bahasa mengikut cara yang sama, baik dari segi tempoh masa mahupun daripada segi peringkat prestasi kemahirannya. Perbezaan ini berlaku kerana disebabkan ketidakseimbangannya faktor-faktor pengaruh yang diperolehi oleh kanak-kanak (Mat Daud bin Yusof, 1990). Antara faktor-faktornya ialah:

- i. Faktor fizikal
- ii. Kecerdasan dan perkembangan kognitif
- iii. Pengalaman dan persekitaran
- iv. Emosi, motivasi, dan sahsiah

Kewujudan faktor di atas serta perbezaan kadar yang ada atau yang diterima oleh kanak-kanak semestinya menimbulkan satu jurang perbezaan dari aspek pencapaian atau pun kemampuan kanak-kanak menguasai bahasa. Seperti konteks perkembangan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis yang saling berkaitan antara satu sama lain misalnya faktor yang positif akan

mempengaruhi pengaruh yang positif, begitu juga jika berlaku hal yang sebaliknya. Contohnya persekitaran yang baik akan memberikan seseorang kanak-kanak itu pengalaman yang baik ke arah perkembangan bahasanya. Kesimpulannya, di sinilah terletak perbezaan antara penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak normal dengan penguasaan bahasa kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

2.2 Konsep Masalah Pembelajaran

Kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan kanak-kanak yang telah dikenal pasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Kanak-kanak yang tergolong dalam kategori ini dikenali sebagai kurang upaya dalam pembelajaran (learning disabilities).

1. Terencat akal (*Mental Retardation*)
2. Kurang upaya dalam Pembelajaran (*Learning Disabilities*)
3. Kecelaruan Emosi atau Tingkah Laku (*Emotional or Behavioral Disorders*)
4. Pintar Cerdas dan Berbakat (*Gifted and Talented*)
5. Masalah Bahasa dan Pertuturan (*Speech and Language Disorders*)
6. Masalah Pendengaran (*Hearing Impairment*)
7. Masalah Penglihatan (*Visual Impairment*)
8. Kecelaruan spektrum Autisma (*Autism Spectrum Disorder*)
9. Kurang Upaya Fizikal atau Masalah Kesihatan (*Physical or Health Disability*)

(Jabatan Pendidikan Khas,

2003)

Menurut Jabatan Pendidikan Khas di Kementerian Pelajaran Malaysia (2003),

murid bermasalah pembelajaran adalah kanak-kanak yang mempunyai masalah kognitif (kerencatan akal) yang dianggap boleh diajar (*educable*) dan boleh mendapat pendidikan formal di sekolah harian biasa tetapi ditempatkan di dalam kelas pemulih. Kategori kanak-kanak bermasalah pembelajaran di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia adalah:

- i. Sindrom Down
- ii. Autisma ringan
- iii. Hiperaktif (*Attention Deficit-Hyperactivity Disorders/ADHD*)
- iv. Terencat akal minimum
- v. Lembam (*slow learner*)
- vi. Disleksia

Terdapat banyak ciri-ciri kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Antara ciri-ciri yang mungkin dapat menolong pakar-pakar diagnostik dan guru-guru dalam mengenal pasti dan mengajar kanak-kanak bermasalah pembelajaran (Mat Daud bin Yusof, 1990) ialah:

1. Lemah daya pemikiran

Kanak-kanak di bawah kategori ini dikatakan mempunyai pemikiran yang lemah. Dia sukar untuk mengingat sesuatu terutamanya yang berkaitan dengan fakta dan perangkaan. Dia tidak dapat memberikan tumpuan yang lama terhadap sesuatu.

2. Kurang keyakinan diri

Kanak-kanak ini biasanya tidak yakin dalam banyak perkara pada diri mereka sendiri. Dia kelihatan was-was atau teragak-agak dalam semua tindakan yang akan dilakukan. Jumlah penbedarahaan katanya juga kurang daripada jumlah yang sepatutnya. Dia tidak kreatif seperti

kanak-kanak lain malah minat untuk belajar juga kurang dan tidak dapat memberi perhatian dalam semua gerak laku yang dibuatnya.

3. Sukar mengawal emosi

Kanak-kanak ini emosinya tidak stabil. Kadangkala dia seorang yang periang, adakalanya pula dia seorang pemarah dan suka menyendiri. Agak susah untuk menerima konsep dan susah juga untuk memberi perbezaan yang tepat terhadap sesuatu yang memerlukan pemahaman. Dia tidak boleh menghubungkan satu hal dengan hal yang lain sekiranya timbul keperluan sedemikian.

4. Kesihatan terganggu

Mungkin kanak-kanak ini yang mengalami penyakit-penyakit kronik seperti sawan, epilepsi dan sebagainya. Penyakit-penyakit seperti ini boleh mengganggu kehadiran mereka di sekolah. Kadangkala kanak-kanak dalam kumpulan ini menimbulkan masalah disiplin dan sering juga bersikap egosentrik.

Bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran ini mereka mengalami masalah penguasaan bahasa dan juga mengalami gangguan bahasa. Penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak ini dapat dicirikan seperti yang berikut (Mat Daud bin Yusof, 1990):

- i. Bahasa lambat berkembang
- ii. Berbentuk kod terhad
 - kurang menggunakan imbuhan
 - konstruksi ayat yang tidak lengkap
 - banyak menggunakan pergerakan
 - banyak dipengaruhi oleh loghat daerah
- iii. Tidak kreatif dan pasif dalam aktiviti-aktiviti lisan. Lebih suka mendiamkan diri

- iv. Perbendaharaan kata sangat terhad
- v. Pemilihan diksi yang kadangkala tidak tepat
- vi. Perbualan selalu menyeleweng daripada tajuk
- vii. Cacat pertuturan seperti pelat, gagap dan sebagainya
- viii. Kurang keyakinan diri, malu, takut, dan lain-lain

Bentuk-bentuk gangguan bahasa yang mereka alami biasanya terdiri daripada tiga jenis gangguan bahasa iaitu gangguan penerimaan (*receptive*), pengaliran idea atau percakapan (*expressive*) dan gabung kedua-dua gangguan tersebut (*mixed receptive and expressive*) (Blackhurst 1981). Gangguan penerimaan ialah apabila kanak-kanak itu tidak mampu menghasilkan bahasa seperti yang dijangka sesuai dengan umurnya dan gangguan pengaliran idea atau percakapan ialah apabila seseorang kanak-kanak itu tidak berjaya menyampaikan mesej atau pesanan dengan tepat sesuai dengan umurnya sama ada secara lisan mahupun tulisan. Manakala gangguan yang terdiri daripada gabungan kedua-dua masalah ini ialah apabila seseorang kanak-kanak itu mempunyai kedua-dua gangguan yang sudah disebutkan. Maka dengan ini, Immanuel Kant seorang tokoh neuropsikolinguistik telah mengatakan bahawa (dalam Mat Daud bin Yusof, 1990):

"...precept (concept, ideas without percept (experiences, experiments) are empty; but percept without precept are blind. Or, adapted-if ideas without experiences are empty, then experiences without ideas (language) are blind. It means that deaf children deprived in their early years of spoken language or words (percept) to which to attach their experiences (precept) could be said to be afflicted with cognitive blindness."

(Immanuel, 1979, hlm 22)

Dari petikan di atas dapatlah dibuat kesimpulannya bahawa kebolehan berbahasa dengan baik amat penting kerana ia mempengaruhi untuk menyampaikan sesuatu idea, pengalaman, dan sebagainya di samping untuk berhubung dengan dunia yang di luar dari dunia kita. Walaupun kita mempunyai idea yang sangat banyak namun jika tidak boleh disampaikan dengan baik dan berkesan oleh itu idea-idea itu dianggap tidak bermakna.

2.2.1 Lembam

Kanak-kanak lembam ini termasuk dalam kategori kurang upaya dalam pembelajaran (*Learning Disabilities*) di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajar lembam ini ditempatkan khas di dalam kelas pemulihan di sekolah harian biasa.

Murid lembam didefinisikan oleh Brenan (1974) sebagai murid-murid yang gagal menghadapi kerja normal sekolah untuk kumpulan sebaya mereka tetapi kegagalan mereka tidak dapat dianggap sebagai disebabkan oleh kecacatan. Mereka ini kadangkala juga dilabel pencapaian rendah membawa erti bahawa murid-murid memperlihatkan taraf pencapaian yang tidak memuaskan berbanding dengan taraf pencapaian purata rakan-rakan sebayanya atau taraf pencapaian yang diharapkan bagi murid-murid pada peringkat persekolahan itu.

Menurut Dr. Koh Boh Boon (1981) ciri-ciri kanak-kanak lembam ialah pencapaian akademik berbeza dengan pelajar-pelajar biasa. Pelajar ini seorang yang

pendiam dan tidak aktif dan tidak banyak bercakap dengan kawan-kawan sekelas. Pelajar ini sukar untuk menerima dan mendengar arahan daripada guru sama ada tugas secara individu ataupun kumpulan. Tidak dapat berkomunikasi seperti pelajar-pelajar normal yang lain dan tulisan juga sukar dibaca. Huruf atau nombor terbalik

Menurut Messe (2001) keupayaan intelektual kanak-kanak ini berada tahap sederhana iaitu pada tahap 85 atau lebih di dalam ujian skor saringan kecerdasan. Mereka juga mempunyai masalah dalam memberi perhatian, mengumpul atau memproses maklumat yang diterima dalam ingatan mereka. Di samping itu, kanak-kanak lembam mudah hilang tumpuan, mudah membuat kesalahan akibat kecuai, sukar untuk menyiapkan tugas dan kepayahan membuat tugas yang berturutan.

2.2.2 Pemulihan

Sebenarnya jika diperhatikan di sekolah-sekolah biasa secara sepintas lalu kebanyakan murid-murid di sekolah harian tidak menghadapi masalah pembelajaran. Ini kerana jika dilihat semua murid-murid dapat meneruskan persekolahan ke sekolah harian biasa ini menunjukkan mereka tidak mempunyai sebarang masalah pembelajaran. Bagaimanapun apabila diselidiki dengan lebih mendalam terdapat sekumpulan murid-murid di sekolah yang menghadapi berbagai-bagai masalah pembelajaran. Pencapaian akademik mereka rendah. Malah terdapat juga masalah yang lebih serius apabila ada segelintir antara

mereka tidak dapat menguasai 3M walaupun mereka telah tamat belajar di sekolah menengah. Murid-murid ini dikategorikan sebagai kanak-kanak lembam setelah menjalani ujian diagnostik.

Berbagai-bagai pendapat diberikan oleh ahli-ahli pendidik dari barat dan juga tempatan mengenai definisi pendidikan pemulihan. Mengikut Buku Panduan Khas Program pendidikan pemulihan (1982), pemulihan adalah satu rancangan yang disediakan untuk membantu murid yang menghadapi kesukaran dalam menguasai sesuatu kemahiran. Dalam usaha ini, kaedah, bahan dan aktiviti yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi akan digunakan.

Khadijah Rohani Mohd Yunus (1991) mendefinisikan pemulihan sebagai satu program yang menyediakan kepelbagaian pendekatan dan teknik pengajaran dengan tujuan menyekat, mengurang atau menghapuskan segala masalah kekusutan pembelajaran yang berkaitan dengan kognitif, sosial, dan emosi kanak-kanak (dalam Sharbani Abdul Ghani, 1999). Program pendidikan pemulihan adalah satu usaha untuk mengatasi masalah murid-murid yang lemah di sekolah menengah. Menurut Evans (1995) pengajaran pemulihan dianggap sebagai "*the ambulance of educational system*". Oleh sebab itu pengajaran pemulihan ini tidak boleh diambil kira sebagai satu pengajaran atau pekerjaan dilakukan secara mengejut, mendadak atau hanya pada waktu kecemasan sahaja. Ini kerana proses pengajaran pemulihan ini perlu dirancang dan disusun secara rapi dan dilakukan secara terperinci berdasarkan aspek-aspek kelemahan

pelajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam mana-mana sistem pendidikan, masalah murid-murid mengalami kesukaran dalam pembelajaran sentiasa wujud sama ada di sekolah rendah mahu pun sekolah menengah. Menurut Chua Tee Tee (1977), pemulihan merupakan satu amalan pendidikan khas yang dirangka khusus khidmatnya bagi memenuhi kehendak kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran (*learning disabilities*) di sekolah biasa. Bagi Tansley dan Gulliford (1971) menjelaskan pemulihan ialah pendidikan sepenuh masa dan terikat dengan objektif khas atau spesifik untuk mengatasi masalah kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran terutamanya di dalam mata pelajaran asas atau 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Secara kesimpulannya, pemulihan adalah satu tindakan khusus yang diambil untuk memenuhi keperluan pendidikan murid-murid yang mengalami kesukaran dari segi pembelajaran (Sharbani Abdul Ghani, 1999).

Menurut Syed Abu Bakar (1997) pendidikan pemulihan adalah untuk kanak-kanak yang tidak kelihatan cacat pada luarannya tetapi mengalami masalah pembelajaran dan lebih tepat lagi tidak dapat menguasai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Pada era 70-an di Malaysia masalah ini telah disuarakan oleh beberapa pihak yang menyatakan kebimbangan mereka mengenai permasalahan kanak-kanak yang lemah dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah melakukan beberapa langkah untuk mengatasi masalah menguasai 3M antaranya Program

pemulihan Asas kemahiran membaca, menulis dan mengira (PROTIM) selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kebanyakan murid-murid ini jauh ketinggalan dari segi akademik kerana disebabkan murid-murid ini gagal mengikuti pelajaran yang diajar di dalam kelas harian biasa. Kebiasaannya murid-murid pemulihan ini tidak jauh beza daripada murid-murid normal lain tetapi jika dilihat dari aspek pendidikan seperti pencapaian mereka bila membaca, menulis, dan mengira amat ketara perbezaannya. Ada beberapa pendapat mengatakan murid-murid ini boleh dikategorikan sebagai murid-murid mundur atau lembam.

2.2.3 Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam pengajaran dan kemahiran bahasa, sama ada kemahiran lisan, membaca dan menulis, kemahiran mengarang boleh dianggap sebagai satu kemahiran yang paling sukar diajar apatah lagi jika melibatkan pelajar yang bermasalah pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran karangan sangat penting bagi semua peringkat persekolahan ini kerana karangan merupakan tahap yang paling tinggi dalam kemahiran bahasa iaitu kemahiran bentuk tulisan.

Komponen kemahiran menulis mengikut Heaton (1988) membahagikan kemahiran menulis kepada lima komponen iaitu:

- (i) Penggunaan bahasa: kebolehan menulis ayat yang betul dan sesuai
- (ii) Kemahiran mekanikal : kebolehan mengguna tanda baca dan ejaan dengan betul
- (iii) Penggunaan isi: kebolehan berfikir secara kreatif dan mengembangkan pemikiran
- (iv) Gaya: kebolehan menggunakan ayat dan ungkapan dalam bentuk yang menarik dan dengan bahasa yang berkesan

- (v) Kemahiran menilai: kebolehan menulis dalam gaya yang sesuai untuk sesuatu tujuan kepada pembaca yang tertentu dan kebolehan meramal dan menyusun maklumat yang penting

2.3 Jenis-jenis Kesilapan

Analisis kesilapan merupakan kajian terhadap kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam mempelajari bahasa. Kesalahan-kesalahan itu wujud kerana pelajar-pelajar belum dapat menguasai rumus-rumus tatabahasa yang dipelajarinya. Kajian kesalahan bahasa ialah analisis kesalahan bahasa berdasarkan perhitungan kekerapan kesilapan aspek-aspek tertentu dalam komponen bahasa tersebut. Dalam hal ini, Corder (1974:130) telah membuat kajian yang teliti dan beliau telah mengkategorikan bentuk bahasa yang salah dihasilkan oleh pelajar sebagai kesilapan kemampuan dan kesilapan penampilan (dalam Ng Mei Ling, 2006).

Terdapat perbezaan antara kesilapan kemampuan dan kesilapan penampilan. Kesilapan kemampuan bererti pelajar memang belum memahami sistem linguistik bahasa yang digunakannya. Kesilapannya jenis ini biasanya berlaku secara konsisten dan sistematik serta berlaku dalam tempoh yang agak lama apabila tidak dibetulkan. Kesilapan ini dikatakan merupakan pemahaman pelajar terhadap sistem bahasa yang dipelajarinya. Apabila tahap pemahaman pelajar rendah, maka kesilapan sering terjadi dan apabila tahap pemahaman semakin tinggi kesilapan yang dilakukannya akan berkurangan. Hal ini disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda, bahasa sasaran dan faktor-faktor

sosiolinguistik yang lain.

Kesilapan penampilan tidak menandakan satu kecacatan pengetahuan bahasa pada seseorang pelajar kerana kesilapan itu wujud secara rawak dan tidak sistematik. Kewujudan kesilapan ini mungkin disebabkan oleh pelajar itu terlupa, keadaan psikologi seperti emosi kuat dan timbulnya kekeliruan. Kekeliruan ini bersifat sementara dan mungkin terjadi pada setiap peringkat linguistik. Kekeliruan biasanya dapat dibaiki oleh pelajar sendiri apabila ia sedar atau pemerhatian yang sewajarnya diberikaan kepada pembelajaran. Ini adalah kerana kesilapan ini bukan akibat daripada faktor kecacatan. Pengetahuan tentang peraturan bahasa tersebut. Pelajar sebenarnya sudah mengetahui sistem linguistik bahasa yang digunakannya. Namun demikian oleh sebab sesuatu hal yang tertentu dia mungkin lupa. Kesilapan penampilan ini mungkin dilakukan oleh penutur-penutur asli akibat daripada keletihan, terkejut dan tekanan (Ng. Mei Ling, 2006)

Teori Analisis Kesilapan Pit Corder iaitu teknik untuk mengukur kemajuan dalam pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Pit Corder (1981), kesilapan adalah suatu elemen yang penting sebagai bukti untuk mengukur pengetahuan dan kemahiran bahasa seseorang. Pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan jika seseorang tahu bahawa strategi pembelajaran seseorang pelajar yang boleh membantu proses pengajaran bahasa tersebut. Beliau menjelaskan lagi bahawa kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar adalah suatu fakta yang

penting dan relevan. Ianya tidak hanya mengimplikasikan penemuan dan mengenal pasti kesalahan tersebut, tetapi juga menjadi penerangan kepada punca-punca psikologi yang menyebabkan kesilapan tersebut dilakukan.

Teori Dulay, Burt & Krashen (1982) membahagikan kesilapan yang dilakukan ini kepada empat bahagian iaitu kesilapan pengguguran (*omission*), kesilapan penambahan (*addition*), kesilapan pemilihan (*selection*) dan kesilapan penyusunan (*ordering*).

- i) Kesilapan pengguguran (*omission*)
Iaitu kesilapan yang merujuk kepada kesilapan di mana elemen-elemen yang penting untuk menghasilkan struktur yang sempurna telah diabaikan.
- ii) Kesilapan penambahan (*addition*)
Iaitu berpunca dari penggunaan peraturan tertentu secara berleluasa. Penambahan elemen-elemen yang tidak diperlukan atau tidak betul.
- iii) Kesilapan pemilihan (*selection*)
Ianya merupakan penggunaan morfem yang salah.
- iv) Kesilapan penyusunan (*ordering*)
Suatu kesilapan yang juga disebabkan oleh ketidakpekaan kepada peraturan struktur.

Menurut Ishak Harun (1979), kemahiran menulis (karangan) sangat penting dalam kegiatan-kegiatan pendidikan formal kerana kebanyakan jawapan dalam ujian dan peperiksaan rasmi memerlukan pengucapan idea, fakta dan sebagainya yang disampaikan melalui kemahiran bahasa tulisan yang sifat bahasa ialah formal. Nik Safiah Karim (1985:5) berpendapat, menulis merupakan cara berhubung secara tidak langsung. Melalui penulisan seseorang itu boleh

menyatakan sesuatu buah pikiran, perasaan atau pengalaman.

Manakala Asmah Haji Omar (1970) berpendapat bahawa penggunaan bahasa secara formal sama ada bahasa lisan mahupun tulisan adalah penggunaan bahasa standard. Dalam hal ini, kesalahan bahasa boleh terjadi dalam karangan pelajar bahasa pertama kerana kelemahan mereka menggunakan ciri-ciri bahasa standard di samping kelemahan yang lain. Kemahiran mengarang merupakan kemahiran yang agak rumit yang mengandungi beberapa kemahiran yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh pelajar-pelajar sebelum mereka boleh menulis dengan baik dan bermutu.

Berdasarkan pandangan-pandangan dan penyelidikan yang dilakukan oleh para pengkaji, hasilnya menunjukkan bahawa analisis kesilapan menjadi suatu kajian yang semakin diminati oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Analisis kesilapan merupakan kajian terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Kesilapan bahasa wujud apabila pelajar atau pengguna bahasa belum menguasai rumus-rumus tatabahasa yang dipelajarinya. Analisis kesilapan pada umumnya bertujuan untuk mengesan dan mengenal pasti masalah pelajar dalam proses pembelajaran bahasa.

Selinker (1972) memberikan pendapat bahawa kesalahan yang berlaku itu mungkin berpunca daripada gangguan bahasa ibunda penutur itu sendiri. Begitu juga yang berlaku dalam proses pembelajaran serta strategi penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar atau penutur bahasa itu sendiri.

Analisis kesilapan bahasa dapat dijadikan panduan tentang tingkat penguasaan bahasa seseorang pelajar. Selinker (1972) menyatakan bahawa terdapat tiga proses utama yang menjadikan punca berlakunya kesalahan tersebut:

- i. Pelajar tidak tahu atau keliru mengenai makna perkataan lalu menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam pemilihan perkataan.
- ii. Penggunaan bentuk dan struktur bahasa yang tidak betul atau salah.
- iii. Pelajar menggunakan logik dan fikiran dalam menentukan perkataan atau bentuk untuk memutuskan sesuatu yang menjadi kekeliruan akibat pengaruh bahasa ibunda.

Daripada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji dan juga pakar-pakar bahasa, dapatlah disimpulkan bahawa setiap individu sama ada pelajar-pelajar, pengguna bahasa, dan pelajar-pelajar yang mengalami masalah pembelajaran umumnya akan melakukan kesalahan atau kesilapan bahasa sama ada lisan atau pun tulisan. Ini kerana disebabkan oleh pengetahuan dan juga penguasaan bahasa di kalangan penutur tersebut tidak begitu mantap dalam penguasaan dan kemahiran berbahasa dalam kalangan penutur-penutur tersebut apatah lagi bagi penutur yang sememangnya mengalami masalah pembelajaran. Kepentingan terhadap penguasaan bahasa lebih ketara dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

2.4 Kajian-kajian yang Berkaitan

Terdapat perkaitan yang sangat rapat antara penguasaan bahasa kanak-kanak dengan perkembangan mengikut peringkat umur. Pada tiap-tiap peringkat umur, pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang kanak-kanak biasanya dipengaruhi oleh bahasa yang biasa digunakan oleh orang-orang yang berada dipersekitarannya (Atan Long,1978). Secara umumnya terdapat kajian tentang penguasaan bahasa yang telah dibuat oleh pengkaji di barat dan juga di Malaysia namun kajian banyak menjurus kepada pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak normal.

2.4.1 Kajian-kajian Penyelidik Dari Barat

Menurut Skinner (1957) meluaskan teori behavioris bagi menghuraikan pembelajaran bahasa. Beliau berpegang pada prinsip bahawa pembelajaran berlaku dengan adanya rangsangan dan tindak balas. Kajian beliau dibuat berdasarkan eksperimen terhadap binatang iaitu menggunakan burung merpati. Kesimpulan daripada kajian didapati adanya unsur rangsangan dan tindak balas yang mewujudkan tindakan pengukuhan. Ia merupakan asas dalam proses pembelajaran. Melalui teori tersebut menerangkan bahawa pembelajaran bahasa ialah satu aktiviti kebiasaan yang didapati dari proses pengulangan sesuatu aktiviti. Aliran ini menenkankan bahagian luar bahasa merupakan kalimat-kalimat yang diperoleh menurut cara Stimulus-Response (S-R) dan dihasilkan secara mekanis.

Skinner (1957) menjelaskan bahawa terdapat alat perolehan bahasa yang terdapat di hemisfera kiri otak bagi manusia yang normal. Justeru, dalam satu jangka masa yang tertentu atau ketika masa terbaik untuk berkembang, kanak-kanak perlu didedahkan sepenuhnya kepada penggunaan bahasa. Sekiranya masa telah berlalu, pemerolehan bahasa kanak-kanak boleh terhalang dan mungkin lambat berlaku.

Bennet-Kastor (1988) membuat kajian terhadap buku-buku yang berkaitan dengan kajian bahasa kanak-kanak. Kajian beliau meninjau konsep, teori serta latar belakang kajian oleh Chomsky, Block dan Kessel, Dove, Bloom dan sebagainya. Beliau melihat teori Konstruksi, koleksi data, bunyi, transkripsi, kod, umur dan peringkat, Mean length Utterance (MLU), statistik dna sebagainya. Beliau mula mengutip data-data sejak tahun 1970-1985. Kajian beliau menyentuh bidang psikologi, linguistic, akademik, sains sosial, komunikasi, masyarakat dan sebagainya. Bukan itu sahaja, malah kajian beliau juga mencakupi aspek fonologi, ayat, pragmatik, semantik dan bahasa penulisan. Focus beliau dalam kajian yang dibuat lebih kepada buku-buku bahasa kanak-kanak.

Braddock (1963) serta Petty dan Burns (1964) pula melakukan kajian yang menumpukan kepada masalah mengarang khusus dari segi kesilapan bahasa, kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan huruf besar (Nor Asmah Abdul Aziz, 2009).

2.4.2 Kajian-kajian Penyelidik Tempatan

Tidak dapat dinafikan lagi di Malaysia telah banyak kajian yang telah dibuat oleh pengkaji bahasa mengenai masalah penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar tetapi kajian mengenai masalah penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar yang bermasalah amat kurang dilakukan.

Rujukan utama kajian ialah kajian kes Abdullah Yusoff (1996). Dari segi persamaan kajian kes ini ialah mengupaskan pemaparan idea dalam karangan seorang sampel dan perbezaannya kajian ini berdasarkan kajian kes terhadap karangan pelajar lembam. Kajian yang dilakukan oleh Abdullah Yusoff memperlihatkan bahawa hasil pemaparan idea dalam karangan pelajar pekak dipengaruhi penggunaan bahasa isyarat yang merupakan medium komunikasi utama mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Farid dan Ajid (1993) mendapati bahawa dialek tempatan menimbulkan pengaruh negatif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu (BM) ke atas pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian yang berkaitan dengan pengaruh bahasa isyarat terhadap penulisan karangan pelajar pekak memperlihatkan gejala yang sama (Abdullah Yusoff, 1996). Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Goh dan The (1994) yang memperlihatkan adanya pengaruh bahasa isyarat dalam struktur ayat yang dihasilkan oleh pelajar pekak. Akibatnya ayat yang dihasilkan tidak gramatis dan hal ini juga menggambarkan kegagalan pelajar pekak memaparkan idea dalam karangannya.

Koh Boh Boon (1975) telah membuat kajian kesalahan yang biasa dilakukan oleh pelajar bukan Melayu yang mengambil peperiksaan M.C.E (Malaysian Certificate Education). Beliau telah mendapati bahawa pelajar bukan Melayu sangat lemah dalam penggunaan imbuhan. Pelajar-pelajar ini menghadapi masalah apabila menggunakan “ber”, “me”, “di”, “ter”, “kan”, dan lain-lain. Mereka juga didapati membuat kesilapan dalam ejaan. Kesimpulannya tidak semestinya pelajar bukan Melayu yang tidak mengalami masalah pembelajaran tidak melakukan kesalahan ejaan dan dapat menulis dengan baik, mereka juga menghadapi masalah untuk menguasai tatabahasa walaupun mereka dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas biasa dengan baik. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar normal ini disebabkan mereka tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Menurut Asmah Haji Omar (1988) kanak-kanak pada peringkat awal pertuturan akan melahirkan bahasa yang amat ringkas, iaitu yang terdiri daripada kata-kata isi sahaja. Kajian tersebut dilakukan berdasarkan bahasa anak saudaranya yang berumur tiga tahun iaitu Izan. Menurutnya kanak-kanak yang dapat menghayati dengan sendiri daripada pelbagai aspek bahasa dari segi sistem dan strukturnya atau dari segi sosiolinguistik. Jelasnya lagi, bahasa pertama diperoleh oleh kanak-kanak melalui proses penyerapan. Beliau juga berpendapat kanak-kanak mudah menguasai kata-kata isi berbanding kata tugas. Ini kerana kata isi merujuk kepada benda atau keadaan tertentu sedangkan kata tugas sangat abstrak sifatnya dan berfungsi sebagai nahan dan mempelajari kebudayaannya malah menerusi bahasanya dia juga dapat membentuk penglihatan dunianya

sendiri.

Juriah Long (1993) dalam kajiannya berpendapat pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dan mendapati proses pemerolehan banyak dipengaruhi oleh faktor kognitif yang terbentuk melalui proses tindakan kanak-kanak terhadap objek atau peristiwa di sekitarnya.

Justeru, pendekatan dan interaksi atau hipotesis kognitif bentuk lemah dapat memberi huraian yang begitu lengkap tentang proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak, khususnya dalam proses pemerolehan yang berbentuk struktur-struktur tatabahasa yang kompleks.

2.5 Rumusan

Sebagai kesimpulannya sememangnya kajian mengenai penguasaan bahasa ini telah lama dikaji oleh pengkaji bahasa sama ada pengkaji di barat mahupun di Malaysia. Walau bagaimanapun kajian bahasa terhadap pelajar yang mengalami masalah dalam pembelajaran masih kurang dilakukan dan rujukan adalah terhad. Umumnya, melalui kajian yang telah dibuat, pengkaji mendapati pemerolehan bahasa kanak-kanak normal dengan kanak-kanak lembam adalah sama, iaitu dipengaruhi oleh persekitaran dan juga tahap kognitif yang dimiliki. Perbezaan dapat dilihat hanya berdasarkan tahap penguasaan bahasa mereka sahaja yang mana kanak-kanak lembam hanya berlaku secara perlahan-lahan dan memerlukan tindakan rangsangan untuk membetulkan tahap penguasaan bahasa mereka. Ini berbeza dengan kanak-kanak normal tahap penguasaan

bahasa mereka cepat berkembang dengan dibantu oleh persekitaran mereka termasuk ahli keluarga yang terdekat.